



Edisi 1 | 2025 | Bilangan 50 | Edaran Percuma

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



**14 SYARIKAT KORPORAT
SERAH ZAKAT PERNIAGAAN**
BERJUMLAH RM9.8 JUTA

**MAJLIS
PELUNCURAN AWAL**
APLIKASI MAIPK BESTARI



42,825 ASNAF MAIPK TERIMA BANTUAN
HARI RAYA AIDILFITRI BERJUMLAH RM12.8 JUTA

Sidang Redaksi

PENASIHAT

Syamsul Hazeman bin Md Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

KETUA EDITOR

Munawir bin Mohamed Noh
Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat & Adat Melayu

EDITOR

Norhidayu binti Sakdon
Pengurus Unit Komunikasi Strategik

Mohd Yakop bin Ikram
Penolong Pengurus Unit Komunikasi Strategik

JURUFOTO

Hamizul bin Othman
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Nurul Farzana binti Ahmad Shah
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Amirul Khalid bin Ahmad
Pembantu Tadbir Unit Sekretariat

EDARAN

Unit Komunikasi Strategik

Edisi 1 | 2025 | Bil. 50

Wadah

DITERBITKAN OLEH:

Unit Komunikasi Strategik
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,
Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-2084000 Faks: 05-2414257

Laman web: www.maipk.gov.my
<https://wakafperak.gov.my/>

Emel: korporat@maipk.gov.my

Facebook: Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Instagram : ZakatPerak_Official

Tiktok : MajlisAgamaislamPerak

Isi Kandungan

Sidang Redaksi	2
Asnaf Terima Bantuan Hari Raya Aidilfitri	3
Penyerahan Zakat Perniagaan	4 – 5
Semasa	6 – 18
Kunjungan Hormat	19 – 22
Dulu Penerima, Kini Pembayar Zakat	23



42,825 ASNAF TERIMA BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI BERJUMLAH RM12.8 JUTA



IPOH, 17 Mac 2025 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, berkenan menyampaikan bantuan Hari Raya Aidilfitri Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) bagi tahun 1446H/2025M, sempena majlis sambutan Nuzul Al-Quran peringkat negeri Perak di Masjid Sultan Azlan Shah, Ipoh. Pada majlis itu, dana zakat berjumlah RM12,847,500.00 telah diserahkan kepada penghulu mukim dari 12 daerah mewakili 42,825 orang penerima terdiri daripada asnaf fakir dan miskin di seluruh negeri Perak.

Penerima bantuan Hari Raya Aidilfitri dipilih daripada senarai asnaf fakir dan miskin yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat di negeri Perak. Selain itu, semua penerima bantuan kewangan bulanan dan bantuan hemodialisis asnaf fakir dan miskin turut menerima bantuan Hari Raya Aidilfitri di bawah dana zakat MAIPK.





Edisi 1 | 2025 | Bilangan 50

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

8 MAC 2025 | ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR



Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak diwakili oleh Yang Menjalankan Tugas Ketua Pegawai Eksekutif, Mohd Azhar bin Mohd Yusof berjumlah RM1,089,237.08.



BELATI diwakili oleh Pengarah, Mohamad Akmal bin Dato' Johari berjumlah RM885,000.00.



Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan diwakili oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Zulkefli bin Abdullah berjumlah RM800,000.00.



Johawaki Plantation Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi, Anizam bin Bakar berjumlah RM290,000.00.



Sultan Nazrin berkenan menyerahkan semua cek kepada Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar Zaini.

15 MAC 2025 | ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR



Penyerahan zakat pendapatan individu YBhg. Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal diwakili oleh Syed Amir Nidzamuddin bin Syed Abu Hussin berjumlah RM2,400,000.00.



Boustead Plantations Berhad diwakili oleh Ketua Pegawai Kewangan, Nina Wirasatria Md Husni berjumlah RM250,676.00.



Empayar Indera Sdn Bhd diwakili oleh Pengurus Besar, YBhg. Datuk Hasrin bin Abdul Rahman berjumlah RM200,000.00.



15 MAC 2025 | ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR



Perbadanan Aset Keretapi diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg. Dato' Azhar bin Ahmad berjumlah RM200,000.00.



Public Islamic Bank Berhad diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Syamsul Azuan bin Ahmad Fauzi berjumlah RM200,000.00.



Sultan Nazrin berkenan menyerahkan semua cek kepada Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar Zaini.

22 MAC 2025 | ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR



Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg. Dato' Haji Mubarak Ali bin Gulam Rasul berjumlah RM1,499,192.00.



Puncak Emas Infra Sdn Bhd diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Haji Mesnor bin Bujang berjumlah RM1,034,000.00.



Royal College Of Medicine Perak diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif & Ketua Kampus, Hisshamuddin bin Omar berjumlah RM400,000.00.



TM Technology Services Sdn Bhd diwakili oleh Pengurus Besar, Perniagaan TM ONE, Wilayah Utara, Ahmad Nazri bin Ambi berjumlah RM509,262.00.



Zaman Motors Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengarah, YBhg. Dato' Haji Khadri bin Khalid berjumlah RM124,400.00.



Sultan Nazrin berkenan menyerahkan semua cek kepada Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar Zaini.



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG SYARIAH NEGERI PERAK



IPOH, 20-21 Februari 2025 - Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penggubalan Undang-Undang Syariah Negeri Perak telah diadakan bagi meneliti dan membincangkan cadangan penggubalan undang-undang baharu berkaitan sekolah-sekolah agama Islam di negeri ini. Mesyuarat dipengerusikan oleh Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, YB. Dato Azmir Shah bin Zainal Abidin dan turut dihadiri oleh anggota jawatankuasa iaitu Prof. Dato' Dr. Nik Salida Suhaila binti Nik Saleh dan Prof. Dr. Farid Sufian bin Shuaib. Turut hadir ke sesi mesyuarat tersebut adalah wakil-wakil jabatan dan agensi berkepentingan seperti Jabatan Agama Islam Perak, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat SUK Perak.



PERSIDANGAN MAIPK KALI KE-231



IPOH, 27 Februari 2025 - Persidangan MAIPK Kali Ke-231, Bil. 1/2025 dipengerusikan oleh Yang Dipertua MAIPK, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini. Hadir sama Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, YB Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin, Pegawai Kewangan Negeri Perak, YB Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh serta barisan anggota MAIPK.





MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

IPOH, 10 April 2025 - Seramai 29 orang warga kerja telah diraikan dalam Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MAIPk bagi penilaian tahun 2024. Majlis yang penuh bermakna ini disempurnakan oleh Yang Dipertua MAIPk, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini. Majlis turut diserikan dengan pelancaran Tabung Idea MAIPk yang sebelum ini lebih dikenali sebagai peti cadangan. Ia merupakan inovasi baharu bertujuan untuk mengumpul, menyusun, dan menilai idea-idea baharu daripada warga kerja MAIPk. Penjenamaan semula ini diharap dapat mewujudkan persekitaran budaya kerja cemerlang melalui idea-idea bernilai tinggi yang mampu memberikan impak positif kepada MAIPk pada masa akan datang. Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada 29 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2024. Sesungguhnya, pengiktirafan ini bukanlah satu noktah kepada perjuangan, malah menjadi dorongan dan suntikan semangat untuk terus berkhidmat dengan lebih produktif serta berintegriti.



MENGHARGAI SUMBANGAN, MENGINSPIRASI KECEMERLANGAN

SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN & TAHNIAH KEPADA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) BAGI TAHUN PENILAIAN 2024

(PENGURUSAN)

1. Suhaimi bin Yusoff
Pengurus Besar
Bahagian Pengurusan dan
Pembangunan Mal dan Wakaf

(GRED 41-44)

2. Norfazilah binti Bawadi
Pengurus
Bahagian Agihan Zakat
3. Amirudin bin Osman
Pegawai Baitulmal Daerah
Daerah Parit Buntar
4. Dzulbazli bin Mahamd Ali
Pengurus
Unit Pengurusan Projek

(GRED 29-32)

5. Mohd Khairul Adli bin Ahmad Padli
Penolong Pengurus Pendidikan
6. Norhidayu binti Sakdon
Penolong Pengurus
Bahagian Perhubungan Korporat
7. Zainol Fitri bin Zainal Bahrin
Penolong Juruukur
Bahagian Pengurusan dan
Pembangunan Mal dan Wakaf

8. Mohd Firdaus bin Mohd Fauzi
Penolong Pengurus
Unit Undang-undang

(GRED 19-22)

9. Hamizul bin Othman
Pembantu Tadbir P/O
Bahagian Perhubungan Korporat
10. Mohd Rosmini bin Mohd Rosli
Pembantu Tadbir P/O
Daerah Muallim
11. Suriani binti Seliman @ Sulaiman
Pembantu Tadbir P/O
Daerah Ipoh
12. Habibi binti Ridwan
Pembantu Tadbir P/O
Daerah Manjung
13. Nor Farahana binti Mohd Amin
Pembantu Tadbir (Kew.)
Daerah Teluk Intan
14. Najwa binti Talib
Pembantu Tadbir (Kew.)
Unit Audit Dalam
15. Nurul Farzana binti Ahmad Shah
Pembantu Tadbir P/O
Bahagian Perhubungan Korporat

16. Muhammad Asnawi bin Mohd Ali
Pembantu Tadbir (Kew.)
Bahagian Kewangan

17. Sallehuddin bin Abdul Hanid
Pembantu Tadbir P/O
Daerah Kampung Gajah
18. Mohammad Zharif bin Mohd Zawawi
Pembantu Tadbir (Kew.)
Bahagian Kewangan
19. Khairil Anuar bin Mohd Mokhtar
Pembantu Tadbir P/O
Bahagian Agihan Zakat
20. Abdul Mutalib bin Abd Latif
Pembantu Tadbir (Kew.)
Bahagian Khidmat Pengurusan
21. Haslinda binti Hamdan
Pembantu Tadbir (Kew.)
Bahagian Kewangan
22. Zaharudin bin Mohammad Dahlan
Pembantu Tadbir P/O
Bahagian Khidmat Pengurusan
23. Khairul Afiq bin Mohamed Noordin
Pembantu Tadbir P/O
Bahagian Pemasaran

24. Nor Suhaila binti Shuhim
Pembantu Tadbir P/O
Bahagian Khidmat Pengurusan

25. Muhamad Izzudin bin Ismail
Juruteknik Komputer
Bahagian Khidmat Pengurusan
26. Muhammad Hasbi bin A.
Abdul Hakim Mazhar
Pembantu Tadbir (P/O)
Bahagian Khidmat Pengurusan
27. Mardiana binti Jamaludin
Pembantu Tadbir P/O
Daerah Parit Buntar
28. Mohd Fahmi bin Mohamad Noor
Pembantu Tadbir P/O
Daerah Ipoh

(GRED 1-14)

29. Ahmad Za'im bin Ramli
Pemandu
Bahagian Khidmat Pengurusan



MAJLIS PELUNCURAN AWAL APLIKASI MAIPK BESTARI

IPOH, 27 Februari 2025 - MAIPK terus mengorak langkah dalam inovasi digital dengan melancarkan aplikasi MAIPK BESTARI, sebuah platform moden yang merevolusikan sistem kutipan zakat fitrah. Majlis Peluncuran Awal Aplikasi MAIPK Bestari ini telah disempurnakan oleh Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad.

MAIPK terus proaktif selari dengan inisiatif negeri-negeri lain dalam memperkenalkan sistem pembayaran zakat tanpa tunai, memastikan pengalaman berzakat menjadi lebih mudah, lancar, dan diyakini oleh para pembayar zakat.

Seramai 1,938 amil di seluruh negeri Perak akan menggunakan aplikasi ini bagi memudahkan kutipan zakat fitrah. Setiap bayaran akan dikreditkan terus ke akaun rasmi MAIPK, manakala resit zakat akan dihantar secara automatik ke e-mel pembayar. Inisiatif ini memastikan proses pembayaran zakat lebih pantas, moden, dan sistematik.

Selain zakat fitrah, sistem ini turut memudahkan pembayar untuk menyertai program wakaf yang menarik, hanya dengan serendah RM1. Pendekatan digital ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan kutipan zakat, malah memastikan prosesnya lebih telus, selamat, dan mudah diakses oleh semua.

Hadir sama Yang Dipertua MAIPK, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, YB Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin, Pegawai Kewangan Negeri Perak, YB Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh.





MAJLIS PENGUMUMAN KADAR ZAKAT FITRAH TAHUN 1446H/2025M NEGERI PERAK

IPOH, 27 Februari 2025 - Majlis Pengumuman Kadar Zakat Fitrah Tahun 1446H/2025M Negeri Perak telah diadakan di Kompleks Islam Darul Ridzuan yang diumumkan oleh Timbalan Mufti Negeri Perak, YBhg. Dato' Zamri bin Hashim. Pengumuman ini memberikan panduan jelas kepada umat Islam di Perak dalam melaksanakan kewajipan zakat fitrah dengan lebih teratur dan berlandaskan syariat.

Kadar zakat fitrah yang wajib dibayar oleh orang Islam di negeri Perak adalah RM10.00 bagi beras pilihan utama untuk individu yang menggunakan beras madani, beras super spesial tempatan dan beras putih super import. Digalakkan kadar RM16.00 bagi beras pilihan kedua untuk pengguna beras rebusan, beras perang dan beras wangi. Kadar RM27.00 bagi beras pilihan ketiga untuk pengguna beras basmathi dan beras pulut.

Bayaran zakat fitrah bagi negeri Perak adalah berasaskan makanan ruji di negeri ini bersamaan kepada satu gantang Baghdad beras. Sesuai dengan peredaran masa, bayaran zakat fitrah dilaksanakan dengan menggunakan wang tunai yang sama nilainya satu gantang beras.

Jawatankuasa Fatwa kali ke 236 pada 13 Disember 2024 telah bersetuju memperakukan kadar bayaran zakat fitrah bagi tahun 1446 Hijriah bersamaan 2025 Masihi, yang mana telah diterima oleh persidangan MAJLIS pada hari ini dan setelah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.





MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBANGUNAN FASA 2 HOTEL WAKAF TAIPING



TAIPING, 17 Februari 2025 - Berlangsungnya Majlis Penyerahan Projek Pembangunan Fasa 2 Hotel Wakaf Taiping oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan MAIPk di Dewan Long Jaafar, Hotel Seri Warisan Taiping.

Projek disempurnakan oleh Setiausaha Bahagian, Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohd Fade'li bin Abdul Shukur, bersama Ketua Pengarah JAWHAR, Dato' Selamat bin Paigo serta Pengarah JKR Negeri Perak, Ir. Haji Zamri bin Mat Kasim, selaku Pegawai Penguasa projek. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh hadir menerima replika kad pintar akses bilik sebagai simbolik penyerahan Hotel Wakaf Taiping ini.

Pembangunan Hotel Wakaf Taiping bukan sahaja bertujuan untuk menambah kapasiti penginapan di Taiping, malah turut memainkan peranan penting dalam mengoptimalkan aset wakaf sebagai pemacu ekonomi. Projek ini dijangka membuka lebih banyak peluang pekerjaan, meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat setempat, serta menyokong pertumbuhan sektor pelancongan secara mampan.





MAJLIS HI TEA BERSAMA PEMBAYAR ZAKAT KORPORAT, PENYERAHAN SKIM BANTUAN KEBAJIKAN SISWA IPT SERTA BANTUAN PER KAPITA RUMAH PERLINDUNGAN ANAK YATIM NEGERI PERAK

IPOH, 29 April 2025 - MAIPk menganjurkan majlis 'Hi Tea' bersama 27 syarikat korporat yang menerima wakalah daripada MAIPk. Inisiatif ini memberikan peluang kepada pembayar zakat untuk melaksanakan pengagihan secara langsung kepada golongan asnaf yang berkelayakan.

Pada tahun 2024, sebanyak 43 syarikat dan individu melaksanakan agihan zakat melalui platform wakalah di negeri Perak dengan jumlah keseluruhan RM24,288,952.4. Daripada jumlah tersebut, agihan kepada kategori asnaf fakir miskin sebanyak RM2,314,469.54, fisabilillah RM2,182,317.41, ghorimin RM737,703.54, muallaf RM502,010.00 dan institusi pendidikan awam dan swasta menerima wakalah tertinggi iaitu RM18,552,449.82.

Majlis berlangsung diteruskan dengan penyerahan Skim Bantuan Kebajikan Siswa kepada Institut Pengajian Tinggi yang mula dilaksanakan pada tahun 2024. Pada tahun 2025 MAIPk menambah senarai penerima dana bantuan tersebut kepada 10 institusi di negeri Perak dengan jumlah RM540,000.00.



Objektif skim bantuan bertujuan membantu mahasiswa dalam kalangan asnaf fakir dan miskin meringankan beban sara diri kehidupan mereka di kampus. Dana yang disalurkan ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat sebagai inisiatif kepada usaha bersama menangani kemiskinan kampus.

Selanjutnya, MAIPk turut mengadakan penyerahan sumbangan zakat kepada 18 Pusat Jagaan dan Perlindungan Anak Yatim seluruh negeri Perak melibatkan dana sumbangan sebanyak RM257,000.00. Sumbangan ini membantu kos pengoperasian Pusat Jagaan Anak Yatim dalam meringankan beban mereka.



Majlis dan penyerahan sumbangan disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh dan dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Bakri bin Lee dan Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Rohizan bin Haji Omar. Pengisian majlis dimulai dengan sesi penerangan dan taklimat wakalah, penyampaian sumbangan dan diakhiri dengan tayangan video program agihan zakat MAIPk.





MAIPK TURUN PADANG BELA NASIB ASNAF



IPOH, 6 Februari 2025 - MAIPK Daerah Ipoh turun padang menziarahi dan menyantuni lima keluarga asnaf sekitar kawasan Ipoh. Bantuan perubatan berjumlah RM30,189.80 telah disampaikan oleh Pengurus Besar, Bahagian Agihan Zakat, Rohizan bin Haji Omar diiringi Pegawai Baitulmal Daerah Ipoh, Shaiful Nizam bin Not dan Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Nur Fatin Azarina binti Nor Affendy.

Program Ziarah Asnaf merupakan inisiatif MAIPK bertujuan memastikan kumpulan asnaf yang layak menerima zakat mendapat bantuan sewajarnya. Program ini mencerminkan komitmen MAIPK dalam menyalurkan zakat secara telus dan berkesan bagi meningkatkan kesejahteraan golongan yang memerlukan.



TAIPING, 19 Mac 2025 - MAIPK menyantuni tiga keluarga asnaf dan juga mengadakan lawatan ke Pusat Jagaan Warga Emas dan Mental Al Ikhlas Rozy dalam Program Ziarah Asnaf di Taiping. Dalam program ini, MAIPK turut menziarahi Noorhidayah, menderita selama 13 tahun akibat kemalangan pada tahun 2012 yang telah meragut nyawa ibu dan bapanya. Lebih RM9,000 dana zakat telah diagihkan hari ini menerusi Skim Bantuan Perubatan dan Kotak Makanan. Bantuan yang diberikan termasuk pembekalan mesin oksigen serta lampin pakai buang.

Program ziarah kali ini dihadiri Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPK, Wan Maizura binti Wan Zahari, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Rohizan bin Haji Omar, Pegawai Baitulmal Daerah Taiping, Ahamad Muzammil bin Arbain serta pegawai dan kakitangan MAIPK di ibu pejabat dan Taiping. MAIPK komited untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik bagi memastikan dana zakat yang disalurkan benar-benar memberi manfaat, seterusnya membantu memperbaiki taraf kehidupan golongan asnaf di negeri Perak.





ZIARAH BATU GAJAH



BATU GAJAH, 26 Mac 2025 - MAIPk Daerah Batu Gajah terus komited dalam usaha menyantuni dan membantu golongan asnaf yang memerlukan. MAIPk telah turun padang menyalurkan bantuan lebih RM8,000 kepada tiga keluarga yang mengalami kesukaran hidup.

Antara penerima bantuan termasuk seorang bayi berusia tujuh bulan yang menghidap masalah saluran pernafasan sejak lahir, seorang warga emas berusia 66 tahun yang lumpuh separuh badan dan memerlukan keperluan khas seperti lampin dan susu serta seorang pesakit lumpuh berusia 83 tahun yang hanya bergantung kepada bantuan bulanan.

Ziarah ini adalah sebahagian daripada usaha MAIPk dalam memastikan asnaf di negeri Perak mendapat perhatian dan bantuan sewajarnya. Turut hadir dalam program ini ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Wan Maizura binti Wan Zahari, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Rohizan bin Haji Omar, Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Amiruddin bin Osman dan Nor Fatin Azarina binti Nor Afendy serta Pegawai Baitulmal Daerah Batu Gajah, Muhammad Zulzakwan bin Mohammed Khalani. Semoga inisiatif ini membawa keberkatan dan meringankan beban mereka yang memerlukan.





MAJLIS PENYERAHAN PAKAIAN DAN KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN MURID ORANG ASLI ISLAM

DAERAH	TEMPAT	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH BANTUAN
GERIK	SK RPS Banun	674	RM117,369.50
LENGKONG	Surau Ar Raudhah, Kg. Orang Asli Sungai Kara	36	RM6,295.80
TAPAH	Masjid Al Mukmin	252	RM53,398.10
	Masjid Jamek Al Muhtadim, Bidor	55	
KUALA KANGSAR	Surau Nurul Hidayah, Kg. Lalang, Pos Poi, Sungai Siput	242	RM86,813.00
	Masjid Kg. Bawong, Sungai Siput	263	

Dalam usaha memastikan pelajar Orang Asli Islam mempunyai kelengkapan pakaian persekolahan yang sempurna, MAIPK telah mengadakan Majlis Penyerahan Pakaian dan Kelengkapan Persekolahan Murid Orang Asli Islam di beberapa daerah terpilih.

Semoga usaha ini juga mampu meringankan beban keluarga serta meningkatkan semangat pelajar untuk memulakan tahun persekolahan dengan lebih yakin.

DAERAH GERIK



13 Januari 2025 - Majlis Penyerahan Pakaian dan Kelengkapan Persekolahan Murid Orang Asli Islam disampaikan oleh Orang Besar Jajahan Hulu Perak, YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar. LA Meor Roslan bin Dato' Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi. Turut hadir semasa majlis berlangsung ialah Guru Besar Sekolah Kebangsaan RPS Banun, Mohd Zamarol bin Ahmad, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Rohizan bin Haji Omar dan Pegawai Baitulmal Daerah Gerik, Zul-Azri bin Hosaini.



DAERAH LENGKONG



21 Januari 2025 - Majlis Penyerahan Pakaian dan Kelengkapan Persekolahan Murid Orang Asli Islam disampaikan oleh Orang Besar Jajahan Hulu Perak, YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar. LA Meor Roslan bin Dato' Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi.

Turut hadir semasa majlis berlangsung ialah Pegawai Tadbir Agama Daerah Lengcong, Mohd Halim bin Mat Saman, Penghulu Orang Asli Islam KOA Sungai Karah Lengcong, Rama bin Busu dan Pegawai Baitulmal Daerah Lengcong, Zul-Azri bin Hosaini.





DAERAH TAPAH

27 Januari 2025 - Majlis Penyerahan pakaian dan kelengkapan persekolahan ini disampaikan oleh Orang Besar Jajahan Batang Padang, YDH. Toh Paduka Indera Dato' Haji Mat Rasid bin Ayob.

Turut hadir semasa majlis berlangsung ialah Pegawai Tadbir Agama, Pejabat Agama Islam Daerah Tapah, Rozaini bin Ibrahim, Pengerusi Masjid Al Mukmin, Abdul Aziz bin Mohd Isa dan Pegawai Baitulmal Daerah Tapah, Johar bin Zainal Abidin.



28 Januari 2025 - Majlis Penyerahan pakaian dan kelengkapan persekolahan ini disampaikan oleh Orang Besar Jajahan Batang Padang, YDH. Toh Paduka Indera Dato' Haji Mat Rasid bin Ayob.

Turut hadir semasa majlis berlangsung ialah Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Rohizan bin Haji Omar dan Pegawai Baitulmal Daerah Tapah, Johar bin Zainal Abidin.



DAERAH KUALA KANGSAR



3 Februari 2025 - Majlis Penyerahan Pakaian dan Kelengkapan Persekolahan Murid Orang Asli Islam disampaikan oleh Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar, YDH. Toh Maharaja Indera Dr. Haji Khairil Anuar bin Arshad dan Orang Besar Jajahan 32, YDH. Toh Purba DiRaja Tuan Suhaimi bin Saidin.

Turut hadir semasa majlis berlangsung ialah Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Rohizan bin Haji Omar dan Pegawai Baitulmal Daerah Kuala Kangsar, Ahmad Fadzil bin Mustaffa.





PROGRAM IHYA RAMADAN SANTUNAN BUDI MAIPK DAN PENGASIH



GOPENG, 14 Mac 2025 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh, menyantuni penghuni Rumah PENGASIH Amanjaya sempena Program Ihya Ramadan Santunan Budi MAIPK dan PENGASIH. Dalam program ini, Pengetua Sekolah Izzuddin Shah, Ahmad Munawir bin Salehuddin, turut menyampaikan tazkirah Ramadan kepada para penghuni dan jemputan yang hadir.

Turut hadir ialah Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Rohizan bin Omar serta Pengurus Besar Single Business Unit (SBU) Pungutan Zakat dan Wakaf MAIPK, Ahmad Nazim bin Md Tajuri. Semoga penganjuran program ini membawa sinar kebahagiaan kepada mereka yang memerlukan serta menjadi asbab keberkatan dan ganjaran berlipat ganda buat semua yang terlibat.



16 ANAK ASNAF TAMAT LATIHAN KIMPALAN 6G, SEDIA MELANGKAH KE INDUSTRI

IPOH, 21 Mac 2025 - Bertempat di PESDC, seramai 16 peserta dalam kalangan anak-anak asnaf telah berjaya menamatkan latihan kemahiran dalam bidang kimpalan 6G. Majlis tamat latihan tersebut telah disempurnakan oleh Pengurus Bahagian Agihan Zakat MAIPK, Amirudin bin Osman, serta Penolong Pengurus Unit Pemerkasaan Ekonomi Asnaf MAIPK, Fairuz bin Zahri.

Para peserta telah menjalani latihan selama enam bulan di PESDC sejak September 2024 dan kini lulus cemerlang dalam bidang kimpalan. Kesemua peserta ini akan ditempatkan di industri yang telah bekerjasama dengan MAIPK. Semoga para peserta terus maju dalam bidang ini dan seterusnya dapat berbakti kepada keluarga serta masyarakat.





RM310,000 DIWAKAFKAN, MENYUBUR KEBERKATAN, MANFAAT BERPANJANGAN

IPOH, 27 Mac 2025 - MAIPk dengan penuh kesyukuran menerima serahan wakaf tunai daripada Adi Reza bin Abd Razak berjumlah RM310,000.00 bagi tujuan Wakaf Tunai (Am). Penyerahan ini telah disempurnakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh. Semoga sumbangan wakaf ini menjadi amal jariah yang berkekalan, membuka pintu keberkatan, serta memberi manfaat yang luas dalam usaha memperkasa pembangunan ummah.



MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN TABUNG AMANAH MASJID, SURAU DAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT NEGERI PERAK BERJUMLAH RM758,020.00

IPOH, 14 April 2025 - MAIPk telah mengadakan Majlis Penyerahan Bantuan Tabung Amanah Masjid, Surau dan Sekolah Agama Rakyat Negeri Perak berjumlah RM758,020.00 bertempat di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Majlis ini telah disempurnakan oleh Pengurus Besar Bahagian Perhubungan Korporat, Munawir bin Mohamed Noh.

Majlis penyerahan bantuan pada hari ini melibatkan dana berjumlah RM194,000.00 yang diluluskan kepada enam buah masjid dan RM146,000.00 kepada sembilan buah surau hasil daripada pembangunan tanah wakaf seluas 1,750 ekar di Sungkai. Seterusnya, dana sebanyak RM418,020.00 telah diluluskan kepada 19 buah sekolah agama rakyat hasil pembangunan tanah wakaf seluas 5,000 ekar di Jalong, Sungai Siput.

Majlis ini merupakan inisiatif berterusan MAIPk dalam memperkasa institusi-institusi Islam di negeri Perak melalui agihan bantuan kewangan hasil pembangunan tanah



tanah wakaf. Hasil wakaf bukan sekadar satu amanah, malah merupakan pelaburan akhirat yang memberi manfaat berpanjangan kepada masyarakat. MAIPk akan terus memastikan tanah-tanah wakaf di negeri Perak dibangunkan dengan berhemah serta memberi pulangan kepada ummah.

Turut hadir, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak, Faiz bin Muhammad Rafaa'i, Pengurus Unit Pembangunan Ummah, Yazid bin Kamaruddin, pengerusi masjid dan surau, guru besar sekolah agama rakyat, serta pegawai-pegawai MAIPk.





Edisi 1 | 2025 | Bilangan 50

WADAH

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak



LAWATAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR KE SJKC FOON YEW 2, JOHOR BAHRU



JOHOR BAHRU, 5 Februari 2025 - MAIPk diketuai oleh Pengurus Besar Bahagian Perhubungan Korporat, Munawir bin Mohamed Noh telah mengadakan lawatan ke SJKC Foon Yew 2 untuk meninjau pelaksanaan program pendidikan kelestarian di sekolah khususnya inisiatif penghasilan baja kompos menggunakan mesin kompos. Semasa lawatan berlangsung beberapa kawasan berkaitan kelestarian di sekolah telah dilawati seperti taman herba, tapak program kitar semula, laman Green Ark, laman hidroponik, stesen mesin kompos, koridor pendidikan kelestarian dan laman lestari.



Lawatan turut disertai oleh Ketua Penolong Pengarah TVET, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Bakri bin Arsad, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Jabatan Agama Islam Perak, Mohd Hapni bin Razali, Pengurus Bahagian Perhubungan Korporat MAIPk Muhammad Naquib bin Mohamd Tarmizi, Penolong Jurutera Unit Pendidikan dan Pengawasan, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak, Muhammad Hilmi bin Husaini.



LAWATAN TAPAK SEKOLAH TAHFIZ PENJARA TAPAH



TAPAH, 25 Februari 2025 - MAIPk telah berkunjung ke Pejabat Pengarah Penjara Negeri Perak dan Penjara Taphah diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk, Bakri bin Lee.

Kunjungan hormat ini disambut oleh Pengarah Penjara Negeri Perak, TKP Charin Promwichee A/L Chem. Penubuhan Sekolah Tahfiz Penjara Taphah menggunakan dana Wakaf Pembangunan Maahad Tahfiz, Wakaf Perak Al Ridzuan. Semoga jalinan kerjasama yang kukuh ini memberikan impak positif, khususnya dalam melahirkan huffaz Al-Quran yang cemerlang dan berakhlak mulia.





KUNJUNGAN HORMAT DARI PERKESO



IPOH, 17 Februari 2025 - MAIPK menerima kunjungan hormat dari Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang diketuai oleh Pengarah PERKESO Negeri Perak, V. Mohanadas. Kunjungan hormat ini disambut oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPK, Bakri bin Lee. Turut hadir Timbalan Pengarah PERKESO Negeri Perak, Khairul Mizan bin Md Said. Semoga hasil perbincangan dan perkongsian dapat memberi manfaat kepada ummah.





KUNJUNGAN HORMAT DARI UNIVERSITI KUALA LUMPUR



IPOH, 11 Mac 2025 - MAIPk menerima kunjungan hormat daripada Universiti Kuala Lumpur (UniKL) yang diketuai oleh Pengarah Jaringan Antarabangsa, Industri dan Institusi UniKL RCMP, Prof. Madya Dr. Ahmad Zakuan bin Khairuddin. Kunjungan hormat ini telah disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh.

Turut hadir, Penolong Pengarah Jabatan Pembelajaran Lanjutan & Berterusan, UniKL HQ, Dr. Aizat Faiz bin Ramli. Semoga hasil perbincangan dan perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada ummah.





KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK

IPOH, 12 Mac 2025 - MAIPk diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Syamsul Hazeman bin Md Salleh mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak, Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip. Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Wan Maizura binti Wan Zahari, Pengurus Besar Bahagian Mal dan Wakaf, Suhaimi bin Yusoff, serta Pengurus Besar Bahagian Perhubungan Korporat, Munawir bin Mohamad Noh. Dalam pertemuan ini, pelbagai perkara telah dibincangkan, termasuk kelancaran pengurusan tanah mal dan wakaf serta kesedaran tanggungjawab untuk membayar zakat melalui potongan gaji.





KUNJUNGAN HORMAT KE LEMBAGA MUZIUM NEGERI PERAK



IPOH, 13 Mac 2025 - Pengurus Besar Bahagian Perhubungan Korporat, Munawir bin Mohamad Noh bersama Pengurus Bahagian Perhubungan Korporat, Muhammad Naquib bin Mohamd Tarmizi telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengarah Lembaga Muzium Negeri Perak, Mohamad Amir bin Mohd Dahalan. Semoga kunjungan ini memberi manfaat dalam memelihara seni dan warisan budaya dan agama negeri Perak.





DULU PENERIMA, KINI PEMBAYAR ZAKAT



IPOH, 21 Mac 2025 - MAIPk telah menerima zakat perniagaan daripada usahawan PROPER A dalam bidang urutan dan refleksologi. Seramai 25 orang usahawan yang dilahirkan melalui program MAIPk kini berupaya menunaikan zakat hasil daripada perniagaan mereka. Penyerahan zakat tersebut disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Rohizan bin Haji Omar. Para usahawan ini merupakan peserta program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf yang dibangunkan pada tahun 2019, 2023, dan 2024. Semoga ini menjadi langkah awal untuk mereka terus menunaikan zakat, berubah daripada penerima kepada pembayar zakat.





AGIHAN ZAKAT

PERBELANJAAN ZAKAT

(JAN-MEI 2025 & 2024)

42.50%


AGIHAN JAN-MEI 2025

RM 78,864,570.72

AGIHAN JAN-MEI 2024

RM 63,724,182.78

40.69%



STATISTIK BILANGAN PENERIMA (JAN-MEI 2025)



PENDIDIKAN (JAN-MEI 2025)

